

# Pendidikan akhlak mesti diutamakan

BH 22/10/08 M/S 34

**K**EBELAKANGAN ini kita disajikan dengan laporan beberapa kejadian salah laku akhlak yang sampai ke tahap jenayah di kalangan pelajar di dalam kawasan sekolah.

Terbaru, dilaporkan sekitar 15 hingga 20 pelajar lelaki sebuah sekolah di Utara terbabit dengan pergaduhan.

Sedihnya, kes berkenaan berlaku tidak sampai seminggu selepas kes pelajar menendang guru di sekolah yang sama.

Kejadian berkenaan bukan yang pertama kali berlaku di negara ini. Malah, negara juga pernah digemparkan dengan kejadian bunuh yang berlaku di sebuah sekolah menengah agama di negara ini.

Seharusnya, kejadian salah laku akhlak di kalangan pelajar diberikan perhatian serius dan utama.

Biarpun statistik mungkin

menunjukkan kes salah laku adalah kecil tetapi hakikatnya banyak kes kerosakan moral pelajar tidak dikesan atau tidak dilaporkan.

Bagi sesiapa yang sering turun padang berjumpa pelajar pasti mengetahui hakikat itu.

Adalah menjadi keperluan mendesak untuk sistem pendidikan kita di negara ini meletakkan pembentukan akhlak dan peribadi baik sebagai keutamaan.

Nampaknya kita terlalu memberi penekanan kepada proses pembentukan warga negara dan bukan pembentukan manusia yang baik.

Kita meletakkan pembelajaran ilmu alat seperti matematik dan sains pada kedudukan yang sama rata, jika tidak lebih tinggi, dengan ilmu asas seperti agama dan pengajian moral.

Tidak dinafikan, sebagai negara membangun, kita

perlu melahirkan ramai tenaga kerja mahir dan berkeترampilan untuk mendukung dan menguruskan proses pembangunan. Namun, pembangunan infrastruktur dan material jika tidak diiringi secara seimbang dan adil dengan pembangunan manusia yang berkualiti akan menimbulkan masalah.

Manusia berkualiti tidak hanya mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk mengurus segala sistem yang di persekitarannya, tetapi lebih penting daripada itu mempunyai kemahiran untuk mengurus diri sendiri serta hubungannya dengan orang lain.

Soal adab dan akhlak baik harus diletakkan sebagai matlamat utama pendidikan negara.

Pendidikan asas agama, faham nilai dan pemupukan akhlak mesti diberikan penekanan lebih tinggi ber-

banding pembelajaran ilmu lain.

Proses membentuk negara sejahtera harus bermula dengan pembentukan manusia yang baik dan berkualiti, kemudian barulah pembentukan persekitaran dan infrastruktur baik.

Bersama-samalah kita mencontohi bagaimana Rasulullah mengasaskan Kerajaan Madinah al-Munawwarah dan seterusnya mencetuskan perkembangan tamadun Islam yang membentuk tamadun terbesar dalam sejarah dunia di mana Baginda meletakkan kefahaman agama sebagai asas dalam mendidik ummah.

**ABDUL MUNTAQIM  
ZULKIPLI,**

*Timbalan Presiden,  
Persatuan Kebangsaan  
Pelajar Islam Malaysia  
(PKPIM).*